

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik penderaan kanak-kanak yang berlaku hingga akhir tahun ini dan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan berlakunya isu penderaan kanak-kanak di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kes yang melibatkan penderaan, penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak bagi tahun 2018 hingga September 2020 adalah seperti berikut:

<b>JENIS PENDERAAN</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020 (SEPTEMBER)</b>
Penderaan Fizikal	<b>1,703</b>	<b>1,571</b>	<b>1,120</b>
Penderaan Seksual	<b>1,705</b>	<b>1,856</b>	<b>1,373</b>
Penderaan Emosi	<b>124</b>	<b>113</b>	<b>131</b>
Pengabaian	<b>2,046</b>	<b>2,521</b>	<b>1,251</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>5,578</b>	<b>6,061</b>	<b>3,875</b>

Tanggungjawab melindungi kanak-kanak daripada penderaan, penganiayaan dan pengabaian bukan hanya tanggungjawab Pelindung tetapi melibatkan pelbagai pihak seperti polis, hospital, mahkamah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ibu bapa, penjaga, kanak-kanak dan komuniti setempat. Kerjasama pelbagai pihak merupakan teras utama dalam penyampaian perkhidmatan berkesan. Antara program dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti berikut:

- i) Mewujudkan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Dalam Daftar Kanak-Kanak
- ii) Menyediakan Senarai Semak/Panduan (Infografik) bagi pemilihan pengasuh
- iii) Melancarkan Program Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat dan Lindung (*Safe and Protect*)
- iv) Mengadakan Program Pendidikan Keselamatan Keluarga (PEKA)

**SOALAN NO. : 7**

- v) Memperluaskan liputan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dan Whatsapp Talian Kasih 019-26 15999 bagi khidmat sokongan, kaunseling, pertanyaan dan aduan; dan
- vi) Melantik Pembantu Pelindung sebagai barisan hadapan bagi menyelamatkan dan memberikan perlindungan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD  
YUNUS [ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dasar Kementerian tidak menggalakkan kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat bermasalah untuk masuk ke institusi (*deinstitutionalize*), sedangkan pertambahan penduduk, bebanan masalah sosial dan mereka yang berkemungkinan dijangkiti wabak merbahaya menuntut Kerajaan melakukan sebaliknya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*United Nations Children's Fund* (UNICEF) telah melaksanakan kajian *Child Protection System in Malaysia 2013* dengan kerjasama KPWK. Melalui hasil kajian tersebut, UNICEF telah mencadangkan supaya bilangan tempat perlindungan yang bukan berkonsepkan institusi (*out-of-home care option*) ditambah. Selain itu, dicadangkan juga supaya tempat tinggal kanak-kanak yang berasaskan kekeluargaan dan '*small group home*' kepada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan turut ditambah.

Konsep *deinstitutionalisation* (DI) yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dan sebagai mana yang dilaksanakan di negara-negara lain ialah usaha untuk memberi peluang kepada setiap kanak-kanak untuk membesar dalam persekitaran kekeluargaan dan menghapuskan institusi jagaan (DI).

Namun, mengikut keadaan penerimaan di Malaysia, maka konsep Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) telah diperkenalkan pada tahun 2013 melalui jalinan kerjasama dengan Yayasan OrphanCare.

Dalam konteks Malaysia, konsep ini ialah untuk memastikan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan (tidak termasuk yang mempunyai konflik dengan undang-undang) ditempatkan seboleh mungkin bersama ibu atau bapa atau ahli keluarga dan pilihan terakhir ialah ditempatkan di institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dalam hal ini, Kementerian tidak berhasrat untuk menutup sepenuhnya institusi jagaan kerana *setting* unik di Malaysia. Kementerian juga tidak berhasrat untuk mewujudkan institusi jagaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

PBK memberi lebih fokus kepada penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ke pangkuan ibu atau bapa atau ahli keluarga yang layak dan menjadikan penempatan di institusi ala keluarga sebagai pilihan terakhir.

Konsep PBK ini telah dimasukkan ke dalam Akta Kanak-Kanak 2001 melalui pindaan pada tahun 2016. Melalui pindaan ini, dalam membuat pertimbangan perintah penempatan kanak-kanak, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak perlu memberi keutamaan untuk menempatkan kanak-kanak bersama keluarga, saudara terdekat atau ibu bapa pelihara atau Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS), berdasarkan kesesuaian kes.

PBK bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak supaya terus mendapat kasih sayang dalam persekitaran kekeluargaan. Usaha ini sejajar dengan matlamat Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

Dalam konteks kumpulan sasar yang lain di bawah Kementerian selain daripada kanak-kanak, masih terdapat keperluan tertentu bagi kemasukan ke institusi JKM. Contohnya, rumah perlindungan bagi mangsa pemerdagangan orang, institusi kebajikan untuk warga emas, dan juga untuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang memerlukan penjagaan, perlindungan dan pemulihan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian semasa untuk menangani masalah perkahwinan bawah umur terutamanya apabila perkahwinan bawah umur ini melibatkan masalah kemiskinan dan keciciran pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Strategi Kebangsaan Menangani Perkahwinan Bawah Umur telah menggariskan usaha-usaha serta strategi untuk menangani punca perkahwinan bawah umur. Antara punca yang telah dikenal pasti adalah kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan.

Dalam Pelan tersebut, antara strategi yang telah dikenal pasti bagi menangani kemiskinan adalah menyediakan bantuan kewangan mengikut kumpulan umur kanak-kanak, meningkatkan akses kumpulan B40 kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak, serta memperkukuhkan penyelarasan dan penumpuan kepada sokongan sosioekonomi dan program jangkauan (*outreach*) sedia ada.

Pelan itu turut menyentuh tentang usaha Kerajaan untuk menangani isu keciciran daripada pendidikan dengan merangka empat (4) strategi iaitu meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan terhadap kanak-kanak, menambah baik sistem perundangan mengenai pendidikan sedia ada, menambah baik dasar dan juga perundangan mengenai pendidikan, serta mempertingkatkan sistem sokongan bagi menangani isu kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah yang menjadi salah satu penyumbang kepada perkahwinan bawah umur.

Dalam hal ini, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri merupakan antara kementerian dan agensi yang terlibat dalam usaha menangani masalah kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan seperti yang telah dinyatakan dalam Pelan ini.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUS ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan terkini Jawatankuasa Pemandu yang telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur termasuk jumlah mesyuarat dan sesi konsultasi yang diadakan serta hasil/maklum balas perbincangan. Nyatakan pendirian terkini negeri yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu kaedah pemantauan pelaksanaan program dan tindakan dalam Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pelan. Jawatankuasa Pemandu ini akan melaksanakan fungsinya sepanjang tempoh Pelan tersebut dilaksanakan iaitu mulai tahun 2020 sehingga 2025. Jawatankuasa ini juga perlu bersidang sebanyak dua (2) kali dalam setahun.

Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ini telah bersidang pada 24 Ogos 2020 yang lepas, dan menerusi pemantauan oleh Jawatankuasa Pemandu tersebut terhadap pelaksanaan 58 program dan tindakan yang dirancang, didapati sebanyak 35 program telah bermula, manakala 23 program lagi belum bermula. Antara program dan tindakan yang telah bermula adalah:

- i. pendidikan *Sexual Reproductive Health* (SRH) kepada pelajar melalui program-program di sekolah di bawah anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN); dan
- ii. pendidikan TVET dan program kemahiran kepada kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Pada masa kini, sebanyak tujuh (7) buah negeri telah bersetuju dengan cadangan untuk menaikkan had umur perkahwinan kepada umur 18 tahun, manakala tujuh (7) buah negeri lain masih belum bersetuju.

Dalam hal ini, seperti yang terkandung dalam Pelan dibawah menangani undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun, KPWKM dengan kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengadakan konsultasi penyeragaman umur minimum permohonan kepada 18 tahun dalam Undang-Undang Keluarga Islam bersama tujuh (7) buah negeri tersebut.

**SOALAN NO. : 31**

Kerajaan melalui agensi pelaksana yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan Kerajaan, Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan NGO juga akan terus memastikan pelaksanaan program dan aktiviti yang digariskan dalam Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur.